



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604, Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Kokurikulum, Sektor Pembangunan Kemanusiaan

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web : www.jpnjohor.moe.gov.my
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311484 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.KOKO.600-3/5/20 ()
Tarikh : 28 Mei 2019

Pengerusi
Kelab Prisma Setia Negeri Johor
No. 10, Jalan Permata 14/1
Taman Permata 1
86000 Kluang
Johor.

Tuan,

KEBENARAN MENYERTAI KARNIVAL CITRA BAHASA SEKOLAH RENDAH PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya surat KPSNJ-001(15) bertarikh 5 Mei 2019 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor tiada halangan untuk murid dan guru yang terlibat menyertai karnival tersebut di atas pada **27 Julai 2019** bertempat di **SK Bandar T6, Kluang**.

3. Pihak tuan adalah dinasihatkan untuk berbincang dengan Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar sekolah yang berkenaan untuk tindakan yang selanjutnya disamping mematuhi perkara-perkara berikut untuk menjaga kepentingan dan kebajikan peserta:

- i. Tiada unsur paksaan menyertai aktiviti tersebut
- ii. Penyertaan tidak mengganggu persekolahan guru dan pelajar
- iii. Segala langkah hendaklah diambil demi keselamatan dan kebajikan peserta
- iv. Kebenaran bertulis daripada ibu / bapa / penjaga hendaklah diperolehi
- v. Murid tersebut telah dilindungi oleh Skim Insuran Perlindungan Diri tambahan
- vi. Guru pengiring mesti terlibat dalam semua aktiviti murid
- vii. Cuti Tanpa Rekod guru hendaklah tidak melebihi 14 hari
- viii. Penglibatan guru hendaklah mendapat kelulusan Pengetua/Guru Besar
- ix. Tiada implikasi kewangan dan perundangan ke atas Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- x. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon dan luput selepas **27 Julai 2019**.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi **En. Khairulakmar Bin Abdullah** di talian **019-7381481 / 07-2311484** di Unit Kokurikulum JPN Johor.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(**HAJI YASMAN BIN JAMSIR**)

Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

s.k.

1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
2. PPD Negeri Johor



KELAB PRISMA SETIA NEGERI JOHOR
NO. 10, JALAN PERMATA 14/1,
TAMAN PERMATA 1,
86000 KLUANG, JOHOR

Rujukan Kami : KPSNJ-001(15)

Tarikh : 5 Mei 2019

Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
 Wisma Pendidikan,
 Jalan Tun Abdul Razak,
 80604 Johor Bahru.

KS SPK
Tindakan
8/5

KAMARUDIN BIN ABU
 Ketua Sektor
 Sektor Jaminan Kualiti
 Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Tuan,

JEMPUTAN MURID MENYERTAI KARNIVAL CITRA BAHASA SEKOLAH RENDAH PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kelab Prisma Setia Negeri Johor dengan Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah Kluang berhasrat untuk menganjurkan Karnival Citra Bahasa Sekolah Rendah Peringkat Negeri Johor bagi tahun 2019. Program ini bertujuan untuk menerapkan bahasa yang dipelajari secara lebih mendalam disamping mencungkil bakat sedia ada murid. Program tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 27 Julai 2019 (Sabtu)
Masa : 7.30 pagi – 5.00 petang
Tempat : SK Bandar T6, Kluang, Johor

En Aiman
Tindakan
12/5

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin menjemput murid-murid sekolah-sekolah rendah untuk mengambil bahagian dalam karnival ini. Urusan pengangkutan murid-murid yang menyertai karnival ini mohon diuruskan oleh pihak sekolah masing-masing. Bersama-sama ini disertakan kertas konsep bagi program tersebut untuk rujukan pihak tuan. Sebarang maklumat lanjut mengenai karnival ini pihak tuan boleh ajukan kepada **Pn Fatimatuzzahrah Binti Roslan** di talian **012-7005041** atau melalui emel : prismasetiajohor@gmail.com

Sokongan pihak tuan bagi menjayakan program ini amat kami hargai.
 Sekian, terima kasih.

Yang benar,


 (SHARUDIN BIN MD TAIB)
 Pengerusi
 Kelab Prisma Setia Negeri Johor



09 MAY 2019
 UNIT KOKURIKULUM
 JPNJ

Tindakan
KM Hoku

9/5